



## TEKS PERUTUSAN

**YB DR. XAVIER JAYAKUMAR  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA *GLOBAL TIGER DAY 2018*  
(HARI HARIMAU SEDUNIA 2018)**

**29 JULAI 2018**

---

*Global Tiger Day* ialah inisiatif tahunan yang telah dimulakan pada tahun 2010 melalui persetujuan 13 negara harimau (*Tiger Range Countries-TRC*) semasa *St. Petersburg Declaration on Tiger Conservation* sempena *Global Tiger Summit* yang telah diadakan di St. Petersburg, Russia pada November 2010. Keputusan persidangan itu menetapkan **Hari Harimau Sedunia atau *Global Tiger Day* disambut pada 29 Julai setiap tahun.** Tujuan penetapan *Global Tiger Day* ini adalah untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan harimau kepada masyarakat dunia. Pada persidangan itu juga, 13 negara TRC tersebut termasuk Malaysia telah bersetuju untuk mempergiatkan usaha memulihara populasi harimau liar yang semakin menurun secara global dan menggandakan populasi harimau liar di negara masing-masing menjelang tahun 2022.

Harimau Malaya merupakan spesies ikonik Negara Malaysia. Simbol-simbol rasmi Negara seperti Jata Negara atau logo agensi kerajaan turut menggunakan Harimau Malaya sebagai ikon. Harimau Malaya merupakan khazanah negara kita yang tidak ternilai dan kita harus

memastikan bahawa ianya dilindungi sepenuhnya supaya ia tidak diancam kepupusan.

Harimau Malaya atau Harimau Belang merupakan hidupan liar yang terancam dan dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)* menyenaraikan Harimau Malaya sebagai Appendix I manakala *IUCN Red List of Threatened Species* telah mengelaskan Harimau Malaya sebagai 'Critically Endangered'.

Populasi harimau di Malaysia masih terpelihara memandangkan data yang diperolehi menunjukkan harimau masih membiak dan aktif di beberapa habitat yang dilindungi. Sehingga kini, dianggarkan populasi harimau adalah di antara **250-340 ekor** yang berkeliaran di tiga (3) kawasan habitat utama harimau di Malaysia iaitu di Kompleks Taman Negara, Endau-Rompin dan Belum-Temengor. Anggaran bilangan harimau diperolehi melalui kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia bersama beberapa agensi bukan kerajaan (NGO) di antara tahun 2010-2013.

Namun begitu, populasi harimau liar negara kita menghadapi pelbagai **ancaman** berikutan pengurangan kawasan habitat dan keliaran harimau, akibat aktiviti pembukaan hutan dan perubahan guna tanah.

Populasi harimau turut diancam akibat perlakuan manusia. Pemburuan haram, perdagangan haram, penyeludupan, eksploitasi hidupan liar terancam serta pelbagai lagi jenayah hidupan liar menjadi pendorong kepada kepupusan harimau. Jabatan PERHILITAN secara proaktif dan

agresif telah berjaya menangani sebanyak **6,048** kes jenayah hidupan liar dengan lebih daripada **17,600 ekor** hidupan liar berjaya diselamatkan sepanjang tahun 2014 hingga Jun 2018 melalui pelbagai operasi penguatkuasaan yang dijalankan.

Sebagai komitmen kepada langkah pemuliharaan harimau di Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan **Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (*National Tiger Conservation Action Plan, NTCAP*) 2008 – 2020** di mana matlamat utama pelan ini adalah untuk menggandakan populasi harimau liar di Malaysia menjelang 2020. Menerusi pelan ini, empat (4) strategi telah diwujudkan untuk memastikan kelangsungan populasi liar harimau di Malaysia iaitu perlindungan habitat, perlindungan spesies, pengurusan konflik manusia - harimau dan penyelidikan.

Menerusi Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RM ke-11), kerajaan juga sedang melaksanakan projek **Survei Harimau Kebangsaan Pertama (*1<sup>st</sup> National Tiger Survey - 1<sup>st</sup> NTS*)** yang mula dilaksanakan pada tahun 2016 meliputi 20 plot kawasan habitat harimau yang meliputi kawasan perlindungan dan hutan-hutan simpan seluruh Semenanjung Malaysia. Pelaksanaan 1<sup>st</sup> NTS melibatkan kerjasama antara Jabatan PERHILITAN dan tiga (3) buah badan bukan kerajaan (NGO) tempatan iaitu World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia, Wildlife Conservation Society (WCS) Malaysia dan Pertubuhan Pelindung Alam Malaysia (PELINDUNG). Survei ini bertujuan mendapatkan bilangan populasi sebenar Harimau Malaya yang terkini di seluruh Malaysia secara saintifik. **Survei ini dijangka selesai pada tahun 2020.**

Menyedari jerat sebagai ancaman utama hidupan liar, tahun 2018 telah diisytiharkan sebagai **Tahun Perangi Jerat**. Jerat merupakan alat yang

digunakan oleh pemburu haram untuk menangkap hidupan liar. Penggunaan jerat ini merupakan tindakan yang sangat zalim, sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan. Jerat berupaya menyebabkan kepupusan pelbagai spesis hidupan liar secara drastik kerana ia boleh mendatangkan kecederaan yang serius kepada mangsa dan seterusnya mengakibatkan kematian.

Tahun Perangi Jerat 2018 dilaksanakan melalui operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasa seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis DiRaja Malaysia dan juga operasi bersama Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan hidupan liar seperti WWF-Malaysia, Wildlife Conservation Society (WCS), Malaysia Nature Society (MNS), RIMBA, Pertubuhan Pelindung Alam Malaysia (PELINDUNG), *The Malaysian Conservation Alliance for Tigers* (MYCAT) dan *The Wildlife Trade Monitoring Network* (TRAFFIC) Southeast Asia. Lebih daripada **2,890** utas jerat telah dimusnahkan dalam **479** operasi jerat yang telah dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN sepanjang tahun 2014 sehingga Jun 2018.

Bersempena *Global Tiger Day* ini juga, kerajaan melalui Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama WWF, telah menganjurkan ***Mini Lab On Strengthening Tiger Conservation And Protected Area Management In Malaysia Through Conservation Assured Tiger Standards (CA|TS)*** pada 19-20 Julai 2018 yang lalu. Mini Lab ini menunjukkan komitmen Kerajaan Malaysia bagi mengenalpasti halangan dan keperluan dalam usaha-usaha konservasi spesis harimau di habitat semula jadi. Program ini merupakan satu batu loncatan kepada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan Kerajaan Negeri Perak, bersama pemegang taruh yang lain, untuk menjalin hubungan kerjasama yang baik dalam

program konservasi harimau dan habitatnya. Taman Negeri Royal Belum telah menjadi kawasan perlindungan yang pertama di Malaysia dan di Asia Tenggara yang terlibat dalam pelaksanaan akreditasi bawah CAJTS.

Akhir kata, saya memohon seluruh rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat untuk berusaha memupuk kesedaran dalam diri tentang kekayaan biodiversiti negara kita dan meningkatkan pengetahuan kita berkaitan kepentingan pemeliharaan habitat harimau seperti di Taman Negara, Taman Negeri dan Hutan Simpan.

Saya juga menyeru kepada semua untuk bersama-sama menyokong usaha kerajaan, dalam memenuhi komitmen terhadap pemuliharaan Harimau Malaya, sebagai spesies kebanggaan negara yang menjadi lambang kedaulatan Malaysia.

**YB Dr. Xavier Jayakumar**  
**Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli**